

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]

TARIKH : 26 Oktober 2017

SOALAN : PR-1353-L03632

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan agensi-agensi Kementerian seperti FAMA bagi mengawal harga pengeluaran buah mempelam Harum Manis yang agak berbeza dengan harga yang dijual oleh penduduk tempatan dan apakah jenis promosi yang memberi kesan jangka panjang bagi mengembangkan lagi produk mempelam Harum Manis ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Harga pasaran buah mempelam Harum Manis adalah berdasarkan faktor jumlah penawaran dan permintaan bagi satu musim. Ia juga ditentukan berdasarkan kualiti dan gred buah yang telah ditetapkan di mana dipengaruhi oleh kaedah pengurusan iaitu penggunaan input pertanian yang berkualiti serta pengendalian lepas tuaian.

Antara promosi Harum Manis yang dilaksanakan adalah mewar-warkan sebelum musim tuaian dan semasa waktu puncak pengeluaran menerusi radio dan penggunaan media sosial, jualan secara *on-line* menerusi portal Agrobazaar Online, menyediakan 25 lokasi jualan Harum Manis kepada pengusaha-pengusaha di kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang dan Melaka. Bagi promosi jangka panjang, Harum Manis akan ditingkatkan lagi dari segi kualiti dan imej bagi menembusi pasaran *high - ends* di mana ianya akan dipasarkan di hotel bertaraf lima bintang, lapangan terbang, gedung perniagaan utama serta kawasan pelancongan.